The Sun. Friday 31.12.21 . pg: 3

# Bigger allowance for Labuan village heads

**LABUAN:** The monthly allowance of all the 27 village heads in this duty-free-island will be increased to RM1,000 from RM700 previously beginning next month, said Senator Datuk Bashir Alias.

The increase of RM300 was approved by Federal Territories Minister Datuk Seri Shahidan Kassim during a meeting recently in Labuan.

Bashir, who is also Labuan Corp advisory council chairman, said the government recognised the importance and contributions of community leaders and village chiefs in its service delivery system to the villagers.

"The government is expecting community leaders and village chiefs to continue being the agent of change on top of playing an active role in the socio-economic development of their respective areas," he said at press conference after chairing the New Norm Culture Programme for the People's Representative Council leaders and village heads at Wisma Perbadanan Labuan yesterday. – Bernama

The Sun . 31.12.21 (Friday) Pg : 4

# Labuan petty traders get six months free rental

**LABUAN:** Hundreds of small-time traders at the urban transformation centre (UTC) at the Pasar Sentral building here will enjoy six months free rental beginning next month.

Senator Datuk Bashir Alias said the relaxation was approved by Federal Territories Minister Datuk Seri Shahidan Kassim during a meeting in Labuan recently.

"The relaxation is being given after taking into consideration the predicaments and financial burden of small-time traders at UTC Pasar Sentral after being badly hit by the Covid-19 movement control order due to the pandemic.

"These traders need assistance to continue staying afloat and we hope the relaxation will be a boon to them so they can focus on their businesses without having to worry about the monthly rental," he told a press conference after chairing the "New Norm Culture Programme" for the People's Representative Council leaders and village heads at the Wisma Perbadanan Labuan yesterday.

Bashir, who is also Labuan Corp advisory council chairman, said these traders comprising fish mongers, vegetable and fruit sellers, tailors, clothes and merchandise sellers have been enjoying a 50% discount on monthly rental throughout 2021.

The UTC Pasar Sentral, managed by Labuan Corp, imposes monthly rental ranging from RM35 to RM400, RM500, RM1,000, RM1,200, RM1,400, RM2,500 and RM3,500, providing business facilities totalling 863 lots.

Meanwhile, Bashir also said that the FT Ministry has approved the extension of the 50% discount (throughout the year 2022) on ferry tickets for travellers from Labuan to mainland Sabah and Sarawak via the duty-free island's two ferry terminals for both passenger boats and ferries. – Bernama

Sinar Harian . 31.12.21 (Friday) . pg: 13

# Desas desus rombak kabinet



AHMAD FAIZAL



ROSOL



SHAHIDAN

## Menteri UMNO dan Bersatu tidak tahu sejauh mana dakwaan rombakan kabinet

**Oleh NURUL HUDA HUSAIN & RAIHAM MOHD SANUSI**

**SHAH ALAM**

Cakap-cakap berhubung rombakan kabinet yang bakal dilakukan dalam masa terdekat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mula kedengaran.

Bagaimanapun, pihak berkaitan ketika dihubungi menafikan perkara itu dan menyatakan bahawa mereka tidak mengetahui sejauh manakah kebenaran dakwaan tersebut.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim mengesahkan beliau tidak mengetahui mengenai laporan yang mendakwa Ismail Sabri akan membuat rombakan kabinet.

Menurut Ahli Parlimen Arau itu, isu mengenai rombakan Jemaah Menteri tersebut tidak pernah dibangkitkan atau dibincang buat masa ini.

"Saya tidak tahu (mengenai laporan akan berlaku rombakan kabinet) dan ia tidak pernah dibincangkan. Rombakan kabinet adalah kuasa prerogatif Perdana Menteri," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Khamis.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai laporan sebuah portal berita pada Khamis bahawa Perdana Menteri bakal mengumumkan rombakan kabinet pertamanya sejak memegang jawatan utama itu pada Ogos lalu yang dikatakan mungkin akan berlaku seawal bulan depan.

Sementara itu, ditanya mengenai penerimaannya jika rombakan kabinet itu berlaku seperti didakwa, Shahidan berkata, beliau tidak mempunyai masalah jika perkara tersebut berlaku seperti didakwa.

Malah katanya, tiada sebab untuk dirinya ditukarkan kerana telah menjalankan tugas dengan baik sepanjang menerajui kementeriannya itu.

"Pasal apa saya hendak kena tukar? Saya sudah bekerja dengan baik," ujarnya.

Sementara itu, menteri dan timbalan menteri daripada Bersatu juga mengakui mereka tidak tahu tentang rombakan kabinet yang dikatakan akan diumumkan Perdana Menteri.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu berkata, perkara itu tidak berada di bawah pengetahuannya.

Bagaimanapun, beliau yang juga Timbalan Presiden Bersatu yakin dalam apa juga perkara, Perdana Menteri akan mengambil kira pandangan rakan-rakan dalam kerajaan.

"Saya berpandangan ketika ini tumpuan semua pemimpin mesti menjurus kepada membantu mangsa banjir.

"Perdana Menteri tentunya akan memastikan apa juga tindakan (sekarang) akan menjurus kepada perkara-perkara berkenaan dan akan mengambil kira pandangan rakan-rakan dalam kerajaan," katanya.

Sementara itu, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid turut berkata, beliau tidak maklum mengenai rombakan kabinet.

Ditanya sama ada beliau bersedia jika rombakan kabinet benar-benar dilakukan dan ada perubahan portfolionya, katanya, semua keputusan terserah kepada Perdana Menteri.

## Menteri tak nafi rombakan kabinet bakal berlaku

**SHAH ALAM -** Seorang menteri tidak menafikan tentang khabar angin yang mengadakan rombakan kabinet akan dilakukan dalam waktu terdekat.

Bercakap kepada *Sinar Harian*, seorang menteri yang tidak mahu dinamakan berkata, soal rombakan itu sebaiknya diumumkan sendiri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

"Tidak elok jika saya bercakap bagi pihak Perdana Menteri. Biarlah beliau sendiri komen atau ulasan berkenaan isu ini (rombakan kabinet)," katanya ketika dihubungi pada Khamis.

Dakwaan bahawa Ismail Sabri akan melakukan rombakan kabinet melibatkan menteri dan timbalan menteri daripada Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) dan Perikatan Nasional (PN) dilaporkan oleh sebuah portal pada Khamis.

Bagaimanapun, Sinar Harian difahamkan seorang lagi menteri sudah menyatakan hasrat beliau untuk bersara dari politik dan tidak mahu lagi menyandang sebarang jawatan.

Malah seorang pegawai menteri juga turut mengesahkan perkara tersebut.